

Serdang: Sebuah pusat pengajian berasaskan teknologi JAVA akan ditubuhkan di Universiti Putra Malaysia (UPM). Hal ini dimaklumkan oleh Prof. Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim, ketika berucap di majlis menandatangani memorandum persefahaman (Memorandum of Understanding MoU) antara UPM dengan Sun Microsystems pada 4 Ogos yang lepas. Kerjasama di antara kedua pihak ini akan membolehkan UPM menawarkan teknologi terkini JAVA serta kursus-kursus latihan JAVA Programming Language untuk pelajar dan juga orang awam.

Prof. Syed berkata, "Kami percaya dengan adanya pusat ini, para pelajar akan mendapat latihan yang terkini dalam aplikasi teknologi JAVA. Sumber tenaga mahir yang dijanakan nanti juga akan membolehkan Malaysia mengekalkan ketramplannya dalam dunia teknologi."

Lotus Sales and Service Sdn. Bhd. (LOTUS) juga telah menandatangani memorandum persefahaman dengan UPM pada hari yang sama. Hubungan kerjasama ini akan membolehkan LOTUS bertapak di UPM dan membekalka perisian-perisian yang akan digunakan untuk melatih pegawa



AccTrac21 Sdn. Bhd. (AccTrac21) pula merupakan sebuah lagi syarikat komputer swasta yang turut menandatangani memorandum persefahaman. Tujuannya ialah untuk membekalkan Jabatan Perakaunan dan Kewangan UPM dengan perisian AccTrac21 Accounting & Business Intelligence yang akan digunakan sebagai alat bantu mengajar berkomputer pelajar perakaunan.